

977 PATI dan 161 tekong ditahan cuba menyelinap masuk sempadan Negara
Astro Awani
22 Jun 2020
Fauzi Suhaimi,

PUTRAJAYA: Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada Ahad menahan lapan warga asing atas kesalahan imigresen melalui sekatan jalan raya (SJR) Operasi Benteng (Op Benteng).

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, penahanan itu dilakukan menerusi 68 SJR Op Benteng di seluruh negara dengan sebanyak 39,965 kenderaan diperiksa.

Katanya, langkah itu bagi mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) terutamanya di lorong tikus.

"Sejak 1 Mei hingga semalam, seramai 977 PATI dan 161 tekong ditahan kerana cuba memasuki sempadan negara secara haram terutama melalui lorong tikus.

"Dalam tempoh sama turut ditahan ialah 36 individu yang disyaki penyeludup selain 26 kapal, " katanya dalam sidang media Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, Ismail Sabri menegaskan, kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak terbabit dalam penyeludupan PATI selain akan mengambil tindakan tegas terhadap penceroboh yang cuba memasuki sempadan negara secara haram.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, seramai 284 rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari Indonesia, Singapura, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Nepal, Hong Kong dan India

didapati negatif COVID-19 selepas menjalani ujian saringan sekali gus diminta menjalani proses kuarantin wajib di rumah.

"Sejak 10 hingga 21 Jun lalu, seramai 4,394 telah pulang ke tanah air melalui KLIA dan daripada jumlah itu 4,375 diperintahkan untuk menjalani kuarantin di rumah dan 19 lagi di bawa ke hospital kerana positif COVID-19," jelasnya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/977-pati-dan-161-tekong-ditahan-cuba-menyelinap-masuk-sempadan-negara-248243>